

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
(JELEBU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) apakah pihak swasta akan terlibat di dalam menjayakan modul kemahiran teknikal dan vokasional di dalam program latihan PLKN; dan**

- (b) bagaimanakah kerjasama di antara pihak Kementerian dan swasta akan dijalankan dan adakah penglibatan mereka ini juga akan melibatkan kos-kos tertentu yang akan ditanggung oleh Kerajaan.**

JAWAPAN:

Kementerian Pertahanan bercadang supaya institusi kemahiran teknikal swasta juga turut dilibatkan. Kerjasama ini juga secara tidak langsung akan memberikan lebih pilihan kepada pelatih-pelatih untuk mengikuti latihan kemahiran yang mereka minati yang tidak ditawarkan oleh institusi latihan kemahiran awam.

Kerjasama yang boleh dijalankan bersama institusi kemahiran teknikal dan vokasional swasta adalah dari segi kursus yang ditawarkan sebaik menamatkan PLKN bagi membolehkan pelatih mengikuti latihan dalam bidang kemahiran yang ditawarkan. Pelatih-pelatih yang ingin mengikuti bidang latihan teknikal yang tidak ditawarkan di institusi kemahiran teknikal awam akan disalurkan ke institusi kemahiran swasta.

Penglibatan pihak swasta dalam melaksanakan modul kemahiran ini akan melibatkan kos-kos yang perlu ditanggung bagi mengikuti latihan yang ditawarkan. Pelatih-pelatih yang ingin mengikuti pengajian kemahiran teknikal di institusi kemahiran teknikal swasta, akan dicadang untuk memohon bagi mendapatkan pembiayaan dari Perbadanan Tabung Pembangunan

Kemahiran (PTPK), Kementerian Sumber Manusia. Pihak Kementerian juga telah memasukkan program ini ke dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RM 11).

RT6/95

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap kebolehpasaran pelajar aliran sains sosial dan kemanusiaan universiti tempatan dan berikan statistik terkini jumlah graduan yang telah berjaya mendapat pekerjaan berdasarkan bidang-bidang pekerjaan terbabit.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Tahap kebolehpasaran graduan melalui Kajian Pengesahan Graduan didefinisikan sebagai bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan. Kajian ini dijalankan dalam tempoh 3 hingga 6 bulan selepas pelajar tamat pengajian. Berdasarkan kepada kajian tersebut yang dijalankan pada tahun 2014, 74 peratus graduan jurusan sastera dan sains sosial telah menyatakan bahawa mereka telah bekerja dan lain-lain. Dalam kajian yang sama, 78 peratus graduan dalam bidang pendidikan telah menjawab sebagai bekerja dan lain-lain sebagai status pekerjaan mereka. Jumlah tersebut merupakan hasil daripada responden Universiti Awam, Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti.